

**TEKS UCAPAN PUAN MAIMUNAH MOHD SHARIF  
SEMASA PERASMIAN LATIHAN PEMANTAUAN  
KUALITI AIR SUNGAI PADA 12.6.2011  
DI DEWAN DESA DAMAI, BUKIT MERTAJAM**

---

Terima kasih, Tuan Pengacara Majlis,  
Yang Berbahagia Encik Ng Tho Heng – Pengurus Pusat Sumber Alam  
Sekitar, Seberang Perai Tengah,  
YB. Tan Cheong Heng, Adun Kawasan Padang Lalang,  
Ahli Majlis-Ahli Majlis Encik Soon Lip Chee, Encik Onn Neow Aun dan  
Puan Tan Cheai Peng,  
Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pasukan Kerja LA 21 yang sudi menjemput saya bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam program penjagaan alam sekitar iaitu latihan pemantauan kualiti air sungai yang kali ke 6.

Pada pagi yang berbahagia ini, saya suka mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Tengah yang merupakan pusat sumber alam sekitar yang paling aktif di Seberang Perai. Saya difahamkan antara program yang telah dilaksanakan termasuk kempen membuat kompos sisa dapur, bumi hijau, membuat cecair BIM dan bebola tanah dan kempen tiada beg plastik percuma. Majlis Perbandaran Seberang

Perai akan sentiasa memberi sokongan padu pada sebarang aktiviti kebersihan kerana tumpuan Majlis Perbandaran Seberang Perai tahun ini adalah untuk meningkatkan kebersihan dan keceriaan tempat tinggal dan kawasan di Seberang Perai.

Saya difahamkan aktiviti-aktiviti tuan-tuan dan puan-puan telah menarik perhatian CIMB Foundation dan memberi bantuan kewangan sebanyak (RM450,000.00) kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk melaksanakan kempen alam sekitar dalam tahun 2010 – 2011. Terima kasih daun keladi, CIMB Foundation, kalau ada bagi lagi. Saya percaya usaha profesional tuan-tuan dan puan-puan meyakinkan CIMB Foundation untuk terus menaja kempen penjagaan alam sekitar bagi tahun 2012. Saya percaya selain dari Seberang Perai Tengah, kempen tuan-tuan dan puan-puan boleh di kembangkan ke Seberang Perai Utara dan Selatan demi untuk mencapai bandar bersih dan hijau serta mampan kepada generasi yang akan datang.

## 2

Latihan pemantauan kualiti air sungai bersama Jabatan Alam Sekitar amat bermakna kerana ianya dapat mewujudkan kesedaran terhadap kualiti air sungai. Jika tiada aktiviti seperti ini, saya percaya tidak ramai orang akan melawat sungai untuk meninjau keadaan sebenarnya. Sungai amat penting untuk kehidupan kita. Ia merupakan punca air minum kita, tempat ikan dan udang membiak, tempat kehidupan pokok, haiwan dan mikro-organisma,

pengangkutan untuk manusia dan kargo, tempat rekreasi seperti berenang dan punca bagi tenaga elektrik.

Saya juga difahamkan Ujian air yang dilakukan oleh tuan-tuan dan puan-puan di Sungai Juru, Sungai Rambai dan Parit 4. pada masa yang lalu, mendapati kualiti air agak tercemar dengan nitrat dan fosfat, Punca pencemaran ialah dari penggunaan bahan pembersih yang kita guna setiap hari.

Dalam Laporan Teknikal Rancangan Tempatan Daerah SPT 2006 – 2010 menunjukkan punca pencemaran Lembangan Sungai Juru pada amnya terdiri dari punca tetap seperti pelepasan dari kawasan perindustrian dan dari loji pengolahan kumbahan dan punca-punca tidak tetap seperti air larian dari gunatanah pertanian, kediaman, perdagangan dan perniagaan dan sebagainya.

Oleh itu, langkah-langkah yang bersesuaian perlu disepadukan dalam pembangunan supaya kualiti air sungai dalam Lembangan Sungai Juru dapat dipertingkatkan.

MPSP sentiasa berusaha melalui pendidikan dan penguatkuasaan untuk mengurangkan pencemaran air. Ini termasuk peniaga di Kompleks menjaja makanan dan restoran perlu memasang “*grease trap*” sebelum melepaskan air kedalam pembentungan.

Sehubungan ini, saya mengucapkan syabas kepada Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Tengah yang membantu mewujudkan kesedaran orang ramai mengenai penjagaan alam sekitar. Tanpa menukar minda orang ramai, kita tidak akan berjaya.

Usaha berterusan diperlukan bagi mencapai objektif pusat tuan/puan iaitu "*to promote green environment for better quality of life*". Aktiviti-aktiviti seperti memantau alam sekitar dan renjer sungai dialu-alukan. Kualiti air Sungai Juru telah bertambah baik sejak tiga tahun yang lalu iaitu dari kelas 5 ke kelas 3. Marilah kita bersama meningkatkan lagi kualiti air sungai ke kelas 2 dan kita boleh menikmati kehidupan ikan, udang dan lain-lain dalam sungai kita. Satu hari nanti menjadi tempat rekreasi.

Saya berharap aktiviti sebegini dapat dikembangkan ke sungai-sungai lain di Seberang Perai. "*Best practices*" ini perlu dikongsi bersama rakan-rakan lain. Saya cadangkan "*Best practices*" Pusat Sumber Alam Sekitar Seberang Perai Tengah ini didokumenkan dan dibukukan SOPnya. Aktiviti yang baik ini boleh di kongsi bersama sempena meraikan Hari Majlis Perbandaran Seberang Perai pada sepanjang bulan Julai ini. Ini adalah kerana kebersihan dan pengindahan adalah salah satu KRA dalam Pelan Transformasi, Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada penduduk Desa Damai, Jabatan Alam Sekitar dan CIMB Foundation dan Pasukan Kerja LA 21 Rumahku Mesra Alam. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Majlis latihan Pemantauan Kualiti Air Sungai pada hari ini.

Wabillahitaufiq Walhidayah

Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Sekian, terima kasih.